

# UTHM lantik dua penolong naib canselor baharu

**BATU PAHAT** - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melantik dua penolong naib canselor baharu berkuat kuasa 1 Ogos lalu bagi meningkatkan lagi daya saing dalam industri pendidikan.

Menurut kenyataan Bahagian Komunikasi Korporat UTHM, Prof Madya Dr Afandi Ahmad dilantik sebagai Penolong Naib Canselor (Perancangan Strategik dan Perhubungan Korporat), manakala Prof Madya Dr Wan Fauziah Wan Yusof dilantik sebagai Penolong Naib Canselor (Kelestarian Kewangan).

Afandi merupakan alumni UTHM pertama yang menjawat jawatan berkenaan dan sebelum ini adalah Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) serta Pengetua Kolej Kediaman Perwira



Wan Fauziah dan Afandi menerima surat lantikan Penolong Naib Canselor UTHM daripada Naib Canselor UTHM, Prof Dr Wahid Razzaly.

(KKP), selain pernah bertugas sebagai Timbalan Dekan FKEE dan juga Ketua Jabatan Kejuruteraan Komputer pada usia 26 tahun.

“Beliau mendapat ijazah doktor falsafah (PhD) dalam tempoh ditetapkan dengan pelbagai anugerah dari Brunel University, London.

“Beliau juga cemerlang dalam pentadbiran apabila KKP dianugerahkan sebagai Kolej Kediaman Cemerlang UTHM pada 2014, 2015 dan 2016, selain aktiviti kolej terbabit, Kolej Kediaman Karbon Rendah diiktiraf di peringkat kebangsaan.

“Bagi FKEE pula, fakulti berkenaan telah tersenarai dalam *Top 400 QS World University Ranking* tahun 2016 serta meraih kemenangan dalam *Innovate Malaysia Design Competition (IMDC) 2017*,” katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, Wan Fauziah pula sebelum ini menjawat jawatan sebagai Pengarah Pusat Perniagaan dan Keusahawanan dan pernah menerima peng-

iktirafan ‘Best Mentor Award 2016’.

“Graduan PhD dari Victoria University, Melbourne ini mula bergiat aktif dalam aktiviti keusahawanan di UTHM sejak 2014 melalui UTHM Holdings (syarikat milik UTHM) dengan memegang jawatan pengarah urusan.

“Pusat Perniagaan dan Keusahawanan UTHM telah berjaya meletakkan diri dalam empat universiti terbaik di negara ini,” katanya.

